

06/04/1998

Bekalan air ditingkat: Anwar

SUBANG, Ahad - Kapasiti bekalan air ke kawasan yang mengalami masalah di Lembah Klang sekarang, akan ditingkatkan dengan tambahan 10 alat teknologi ultrasource untuk memproses air dari tasik.

Sambil memberi jaminan air yang diproses menggunakan teknologi itu selamat digunakan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, alat berkenaan akan ditempatkan di tasik Mines Resort, Sungai Besi.

"Kualiti air sudah pun dianalisis oleh saintis terbabit dalam makmal dan dijamin selamat," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir, di sini, petang ini.

Penggunaan teknologi itu adalah antara langkah segera yang diumumkan minggu lalu, dalam menangani masalah bekalan air di Lembah Klang berikutan kemarau panjang.

Setiap unit itu mampu memproses 440,000 liter air sehari yang boleh menampung keperluan 400 keluarga atau 1,000 penduduk.

Transwater Corporation Berhad (Transwater) yang diberi tanggungjawab melaksanakan projek itu difahamkan menyerahkan laporan kepada Anwar mengenai penggunaan teknologi yang berasal dari Perancis itu, hari ini.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, meminta semua pihak yang terbabit dalam bekalan air di Lembah Klang menjalankan ujian lebih kerap ke atas kualiti air sebelum dibekalkan kepada penduduk bagi mengelak muncul wabak penyakit berjangkit seperti taun.

Menurutnya, dalam keadaan kemarau sehingga menimbulkan krisis air di Lembah Klang sekarang, semua pihak terutama JBA, Puncak Niaga dan kementerian perlu berhati-hati.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan, air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor dan Puncak Niaga Sdn Bhd di Lembah Klang adalah selamat.

"Walaupun masalah kandungan ammonia dalam air tidak memudaratkan kesihatan awam, apa yang dikhuatirkan ialah kewujudan ammonia itu menunjukkan ada kemungkinan berlaku pencemaran lain dan boleh menyerap klorin.

"Klorin penting dalam air untuk membunuh kuman, sekali gus menjamin kesihatan orang ramai yang mendapat bekalan air itu. Oleh itu, adalah wajar JBA dan Puncak Niaga menjalankan ujian lebih kerap bagi memastikan kandungan klorin dalam air mengikut peraturan bagi menjamin kualiti air," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Rompin, Pahang, hari ini.

Chua berkata, Bahagian Kejuruteraan kementerian mengawasi keadaan bagi memastikan JBA serta Puncak Niaga mengisi klorin mencukupi dalam loji air kendalian masing-masing.

"Kita juga mahu rawatan khas dijalankan terhadap air tangki yang dibekalkan kepada orang ramai akibat krisis air di Lembah Klang," katanya.

Kementerian itu juga sudah mengarahkan semua kerajaan negeri, melalui JBA masing-masing memberi keutamaan terhadap bekalan air bersih di semua hospital di seluruh negara.

"Kita amat memerlukan air yang bersih dan selamat, terutama di bilik pembedahan bagi mengelakkan sebarang risiko atau jangkitan kuman terhadap pesakit," katanya.

(END)